

27/11/1997

Syor Malaysia diterima (HL)

Hafifi Hafidz; Khaidir Abdul Majid in Vancouver

VANCOUVER, Rabu - Pemimpin 18 negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) menerima pandangan Malaysia mengenai perlunya satu tindakan ketat diambil segera bagi mengawal kegiatan urus niaga mata wang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, di sebalik menerima hakikat betapa seriusnya masalah mata wang yang dihadapi dunia sekarang, pemimpin Apec mendesak Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menyelesaikan kajiannya dan membuat keputusan berhubung cadangan mengadakan beberapa peraturan telus mengawal urus niaga itu.

"Setakat ini (perbincangan semalam) saya berpuas hati. Kita tidak harap mereka membuat keputusan radikal menyokong saya 100 peratus. Itu tidak mungkin. Namun, saya amat berpuas hati dengan persetujuan dan deklarasi itu," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat peringkat pemimpin di University of Columbia, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Persurujaya Tinggi Malaysia ke Kanada, Datuk Abdullah Zawawi.

Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, ketika membaca deklarasi tujuh muka selepas pertemuan itu berkata, Apec bersepakat bahawa peraturan yang berkesan adalah kunci kepada pemulihan kestabilan kewangan.

Ketika berucap pada sidang kemuncak ketua eksekutif Apec kelmarin, Perdana Menteri berkata, Apec kali ini perlu membuat keputusan mewujudkan segera peraturan ketat itu bagi menyekat peniaga mengulangi serangan tanpa sebarang penghujung.

Ketiadaan peraturan khusus menyebabkan fungsi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) nampak tidak bermakna kerana jumlah urus niaga mata wang adalah 20 kali ganda lebih besar daripada jumlah perdagangan dunia yang dikawal oleh badan itu.

Apec Vancouver katanya, mesti mengambil ketetapan itu supaya persidangan di Kuala Lumpur 1998 dapat memberi tumpuan kepada isu perdagangan yang lain.

Sebelum ini, Mesyuarat Ketua Negara Komanwel (Chogm) di Edinburgh, Sidang Kemucak Asean dan Mesyuarat Kumpulan-15 di Kuala Lumpur, sudah memperakui cadangan Malaysia itu.

Menjelaskan sokongan Apec dalam pertemuan semalam, Dr Mahathir berkata, tidak ada pemimpin yang berkeras menentang isu itu, malah perbincangan mengenainya berlanjutan sehingga tengah hari dan disambung pada sebelah petang.

"Tiada unsur mendominasi mesyuarat daripada mana-mana pemimpin. Saya diberi peluang utama dan masa yang panjang untuk mengemukakan pendapat Malaysia mengenai isu mata wang.

"Ini (peluang) kita gunakan untuk menjelaskan dan kita dapati hampir semua negara Asean memberi sokongan penuh terhadap pendirian Malaysia," kata Perdana Menteri sambil menyifatkan pertemuan pemimpin Apec kali kelima ini sebagai berjalan lancar.

Beliau berkata, pemimpin menyatakan tiada halangan terhadap usaha IMF itu malah setuju mesyuarat menteri Kewangan Apec diadakan Februari ini sebelum membuat keputusan berhubung kajian mereka.

Tambah Perdana Menteri, semua pemimpin Apec bersetuju pandangan bahawa dagangan mata wang tidak baik bagi dunia dan sehubungan itu menerima isu itu sebagai masalah dunia.

"Mereka ingin melihat supaya satu usaha dibuat mengkaji peranan dagangan

mata wang dalam ekonomi terutama di negara membangun.

"Dengan itu mereka sokong tindakan yang sedang diambil oleh IMF untuk mengkaji masalah itu. Ini memenuhi kehendak kita supaya satu kajian dibuat yang mana Malaysia akan memainkan peranan yang besar dengan mengemukakan cara-cara untuk mengawal dan memperkenalkan peraturan dagangan," katanya.

Mengenai pertemuan pemimpin Asean dengan Presiden Bill Clinton kelmarin, Dr Mahathir berkata, Amerika juga menyatakan pandangan serius dalam isu mata wang itu.

(END)